





MENEROKA POTENSI

Mengoptimumkan Rantaian Nilai Kami



TAN SRI RASTAM MOHD ISA
Pengerusi

Perutusan Pengerusi

Para Pemegang Saham yang Dihormati,

Tahun 2024 merupakan detik penting bagi FGV, yang ditandai dengan kemajuan dan transformasi yang signifikan. Walaupun landskap global terus dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi, ketegangan geopolitik, dan cabaran alam sekitar yang mendesak, kami telah bangkit semula daripada rintangan masa lalu dan tampil lebih kukuh. Pencapaian kami pada tahun ini membuktikan bahawa kami berada di landasan yang tepat. Keupayaan FGV untuk menyesuaikan diri, berinovasi, dan berpegang teguh kepada nilai-nilai teras telah membolehkan kami memberikan hasil yang bermakna untuk para pemegang berkepentingan kami.

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2024

Persekitaran makro global pada tahun 2024 memperlihatkan gabungan cabaran dan peluang yang menguji kedayatahan perniagaan perladangan. Ketidaktentuan pasaran yang dipacu oleh sekatan dasar perdagangan serta ketegangan geopolitik terus memberikan tekanan terhadap margin operasi. Dalam masa yang sama, permintaan global terhadap komoditi pertanian seperti minyak sawit dan getah kekal kukuh, disokong oleh pertumbuhan populasi dan perubahan corak pemakanan. Persaingan daripada minyak alternatif serta turun naik harga minyak sawit menekankan perlunya untuk bersikap tangkas dan menyesuaikan diri.

FGV telah menghadapi cabaran ini dengan pelaksanaan strategi yang mantap serta pendekatan yang terfokus. Pelan Transformasi Perladangan memainkan peranan penting dalam menggalakkan keuntungan dengan mengoptimalkan amalan perladangan serta meraih peluang yang tersedia. Dengan menangani isu kekurangan tenaga kerja dan mempercepatkan mekanisasi di ladang-ladang, kami telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti, sekaligus menghasilkan peningkatan 15% dalam hasil buah tandan segar (BTS) kepada 15.56 tan metrik (MT) sehektar (Ha). Keadaan cuaca yang menggalakkan juga turut menyokong pencapaian ini, sekali gus mengurangkan risiko yang berkaitan dengan perubahan iklim.

Sama penting ialah respons menyeluruh kami terhadap pihak United States Customs and Border Protection (U.S. CBP) dalam menyelesaikan Perintah Pengeluaran Penahanan (WRO). Melalui pelaksanaan standard buruh yang dipertingkatkan dan amalan pengambilan pekerja secara beretika, kami telah mengukuhkan komitmen terhadap operasi yang bertanggungjawab dan lestari, sekali gus mempertingkatkan tahap pematuan dan kedudukan FGV di peringkat global. Usaha ini, bersama dengan kemajuan dalam strategi operasi, telah meningkatkan keupayaan dan kecekapan di seluruh ladang kami.

Penambahbaikan operasi ini, digabungkan dengan peningkatan purata harga minyak sawit mentah (MSM) kepada RM4,102 setiap MT, berbanding RM3,901 setiap MT pada tahun 2023, telah mendorong pertumbuhan yang positif. Secara keseluruhan, usaha ini telah menjadikan perniagaan FGV lebih berdaya saing, membolehkan kami mengharungi kos input yang tinggi sambil merebut peluang pertumbuhan dan mencipta nilai lestari untuk semua pihak berkepentingan.

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

FAKHRUNNIAM OTHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan




Para Pemegang Saham yang Dihormati,

Saya dengan berbesar hati membentangkan penilaian pertama saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, satu peranan yang saya galas dengan penuh rasa tanggungjawab. Seiring dengan sejarah perkhidmatan yang panjang bersama FGV, pelantikan ini mendorong saya untuk bertanya: *Mengapa kita wujud?* Renungan terhadap matlamat kita telah mengukuhkan kejelasan misi kita sebagai penyumbang kepada pembangunan negara; iaitu untuk mencipta nilai lestari kepada semua pihak berkepentingan. Ini merangkumi penciptaan nilai ekonomi untuk pemegang saham terbesar kita, iaitu FELDA, di samping memacu manfaat untuk *Warga FGV*, pekebun kecil, komuniti setempat, dan ekosistem semula jadi yang menjadi asas kelangsungan hidup kita, dengan mengiktiraf bahawa bumi kita juga merupakan pemegang berkepentingan yang utama.

Asas kukuh yang telah dibina selama ini, yang ditandai dengan kemajuan, daya tahan, dan penekanan terhadap kelestarian dalam setiap aspek perniagaan, membuktikan dedikasi seluruh pasukan FGV. Bersama-sama, kita melangkah ke hadapan dengan matlamat yang jelas, kemajuan yang berterusan, dan impak yang bermakna.

Pengagihan Nilai Dicipta

Dalam memenuhi janji kami kepada pihak berkepentingan, FGV mengagihkan nilai yang dicipta dengan cara yang relevan dan bermakna, dan bagi sesetengah kumpulan pihak berkepentingan, melebihi manfaat kewangan semata-mata. Pihak berkepentingan menerima faedah tidak ketara yang merangkumi program peningkatan kemahiran pekerja hingga pelbagai inisiatif kemasyarakatan, sebagai sebahagian daripada usaha kami ke arah masa depan yang lebih lestari. Nilai yang dicipta pada tahun 2024 telah diagihkan seperti berikut:





Bahagian Gula

Hasil

▲ **RM3,544**
juta
(TK2023: RM3,091 juta)

P/(L)BZT

▲ **RM79**
juta
(TK2023: -RM23 juta)

Jumlah Isi Padu Jualan

1.09
juta MT

Purata UF Kumpulan

54%

Bahagian Pasaran Domestik

60%

Maklumat lanjut boleh didapati dalam
Laporan Bersepadu Tahunan MSM.





Shammim Azad Kamruzaman

Ketua Pegawai Bahagian Produk Pengguna & Ketua Pegawai Eksekutif,
Delima Oil Products Sdn Bhd

Abdul Razak Aya

Ketua, Pertanian Bersepadu

Dato' Iszhar Ibrahim

Ketua Pegawai Eksekutif,
FGV Dairy Farm Sdn Bhd

Bahagian Produk Pengguna

